



**PERMOHONAN KERTAS UNDI POS (PENGUNDI POS DALAM NEGARA)
Peraturan 3 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003**

Kepada: Pegawai Pengurus Bahagian Pilihan Raya

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PEMOHON

Nama :

No. KP : No. Tentera/ Polis :

No. Telefon (Bimbit) : No. Telefon (Pej. / Rum.) :

E-mel : No Faks :

Alamat Surat-Menyurat :

Kategori : Anggota SPR Pegawai/ Petugas SPR
 Anggota Tentera Petugas Media
 Anggota Polis

BAHAGIAN B: PERMOHONAN (diisi oleh pemohon)

Saya seperti nama di atas memohon supaya suatu kertas undi pos dihantar kepada saya ke alamat di atas kerana saya berhak untuk mengundi melalui pos berdasarkan kategori yang tersebut di atas.

Pada masa sekarang saya didaftarkan sebagai seorang pemilih di Bahagian Pilihan Raya
(Parlimen/DUN)
di dalam Negeri

Bertarikh :
Tandatangan Pemohon

BAHAGIAN C : PERAKUAN

Saya dengan ini memperakukan bahawa pemohon bagi kategori di atas tidak dapat hadir mengundi pada *hari mengundi awal/ hari mengundi kerana

(Sila nyatakan sebab dengan jelas)

Bertarikh :
*Setiasaha Suruhanjaya Pilihan Raya /
Pegawai Pengurus /Ketua Jabatan /Majikan
(Tandatangan & Cap Rasmi)

"Potong mana-mana yang tidak berkenaan"

BAHAGIAN D : STATUS PERMOHONAN (diisi oleh Pegawai Pengurus)

KEPUTUSAN:

Permohonan diluluskan; atau

Permohonan ditolak kerana

(Sila nyatakan sebab jika permohonan ditolak)

dan pemohon telah dimaklumkan melalui : surat e-mel telefon faks lain-lain

Catatan:

Bertarikh :
Pegawai Pengurus

Tandakan di dalam salah satu ruangan yang disediakan

No. Kod Daerah Mengundi :

No. KP/ Tentera/ Polis :

No. Bilangan dalam Daftar :

Pemilih

GARIS PANDUAN MENGISI BORANG 1A

1. **Sila baca dengan teliti** dan semua ruangan yang berkaitan hendaklah **diisi dengan lengkap**.
2. Sebarang **kesilapan dalam pengisian borang ini** boleh menyebabkan permohonan bagi kertas undi pos **ditolak**.
3. Anda hendaklah memastikan terlebih dahulu bahawa anda **merupakan seorang pemilih berdaftar dalam Bahagian Pilihan Raya Parlimen/ Negeri** Anda dinasihatkan agar menyemak maklumat pendaftaran bagi mengetahui butiran bahagian pilihan raya anda di laman web SPR di **www.spr.gov.my** atau pada aplikasi mudah alih MYSPR Semak atau sms kepada 15888.
4. Borang ini hendaklah **dipos/ faks/ e-mel/ serahan tangan** kepada Pegawai Pengurus Bahagian Pilihan Raya di mana pemohon berdaftar.

Bahagian A

- i. **Nama penuh** hendaklah diisi dengan HURUF BESAR mengikut nama seperti dalam kad pengenalan.
- ii. Isikan nombor Kad Pengenalan/ Polis/ Tentera.
- iii. **Alamat** hendaklah diisi dengan jelas dan lengkap kerana sampul dan kertas undi akan dihantar ke alamat yang dinyatakan.
- iv. **Anda diminta mengisi tanda (/) pada salah satu kategori pemilih** yang berhak memohon mengundi secara pos seperti yang berikut:
 - Anggota Suruhanjaya Pilihan Raya
 - Anggota tentera yang tidak dapat hadir pada hari mengundi awal kerana diarah oleh pihak berkuasa ATM menjalankan tugas
 - Anggota polis yang tidak dapat hadir pada hari mengundi awal kerana diarah oleh pihak berkuasa PDRM menjalankan tugas
 - Pegawai dan petugas pilihan raya yang dilantik seperti Pegawai Pengurus, Penolong Pegawai Pengurus, Ketua Tempat Mengundi, Penyelia Pusat Mengundi, Kerani Pengundian dan lain-lain lagi
 - Petugas media yang diperakukan oleh majikannya yang menjalankan tugas pada Hari Mengundi di luar kawasan pendaftarannya untuk membuat liputan berkenaan dengan pilihan raya

Bahagian B

- i. Isikan Parlimen/ DUN dan negeri di mana anda didaftarkan di dalam ruangan yang berkaitan.
- ii. Anda diminta mengisi tarikh permohonan dan menurunkan tandatangan di dalam ruangan yang berkaitan.

Bahagian C

Bahagian ini perlu diisi oleh mana-mana pihak yang mempunyai kuasa untuk memperakukan permohonan ini secara sah dan mengetahui bahawa penama akan menjalankan tugas tertentu pada hari mengundi awal atau hari mengundi.

- i. Buat garisan pada perkataan hari mengundi awal **atau** hari mengundi;
 - a. hari mengundi awal — Untuk tentera atau polis
 - b. hari mengundi — Untuk pegawai atau petugas pilihan raya dan pekerja media
- ii. Nyatakan sebab penama berkenaan diperakukan untuk diberi kemudahan mengundi secara pos.
- iii. Isikan tarikh dan turunkan tandatangan serta cap rasmi jawatan di dalam ruangan yang berkaitan.

Bahagian D

Bahagian ini TIDAK PERLU DIISI kerana ia adalah untuk kegunaan Pejabat sahaja.